

NEWS CLIPPING – PRESS


CLIENT: UBM MALAYSIA

PUBLICATION: BISNESSINAR.COM SECTION: BERITA LOKAL

DATE: WEDNESDAY, 19 JUNE 2019 PAGE NO.: 1 OF 1

HEADLINE: OPERASI KOMERSIAL RAPID

URL: <https://www.bisnessinar.com/operasi-komersial-rapid/>



Guan Eng

PROJEK Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) dijadual memulakan operasi komersialnya pada suku keempat tahun ini (Q4 2019), kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng semalam.

Beliau berkata, projek itu akan menjadikan Malaysia sebagai pengeksport bersih bahan api bertapis buat kali pertama sejak 2008.

“Kerjasama ini (Petronas dan Saudi Aramco) menandakan usaha sama yang bersejarah antara kedua-dua syarikat minyak negara yang paling berjaya di dunia.

“Usaha sama ini menyatukan sumber yang luas, teknologi, kepakaran, serta kehadiran komersil,” kata Lim ketika merasmikan Pameran Kejuruteraan Minyak, Gas dan Petrokimia (OGA) di Kuala Lumpur semalam.

Beliau berkata sektor minyak dan gas Malaysia sedang meningkatkan rantaian nilainya bagi melindungi negara daripada ketidakstabilan dalam segmen perniagaan hiliran.

“Walaupun Malaysia meningkatkan rantaian nilai dalam sektor minyak dan gas, perlu diingati bahawa negara ini merupakan ekonomi pelbagai.

“Pada 2018, perlombongan menyumbang kira-kira 8.0 peratus daripada keluaran dalam negara kasar negara, manakala pembuatan menyumbang 22 peratus dan perkhidmatan 57 peratus,” katanya.

Tambahnya, negara juga mendapat manfaat daripada perang perdagangan antara China dan Amerika Syarikat melalui penempatan semula perniagaan serta peralihan perdagangan dan pelaburan.

Penyusunan semula rantaian bekalan global dan daya saing Malaysia menyaksikan pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan negara dalam sektor perkilangan melonjak 127 peratus kepada RM20.2 bilion pada Q1 2019 daripada RM8.9 bilion setahun lalu, kata Lim.

Beliau berkata, jumlah FDI yang diluluskan dalam semua sektor pada Q1 2019 juga meningkat 73.4 peratus tahun ke tahun kepada RM29.3 bilion berbanding RM16.9 bilion sebelumnya.

“Ini menunjukkan Malaysia merupakan tempat selamat yang menjadi pilihan di rantau ini, antara lain kerana dasar pintu terbuka, infrastruktur yang sangat baik, pekerja yang berkemahiran tinggi dan dasar kerajaan mesra perniagaan,” katanya.

OGA tiga hari yang bermula hari ini mempamerkan teknologi canggih terkini dalam industri minyak dan gas, yang melibatkan 2,000 syarikat dari 60 negara. -Bernama